



29 Januari 2016
29 January 2016
P.U. (A) 18

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH JURUUKUR BAHAN (PINDAAN) 2016

QUANTITY SURVEYORS (AMENDMENT) RULES 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JURUUKUR BAHAN 1967

KAEDAH-KAEDAH JURUUKUR BAHAN (PINDAAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 26 Akta Juruukur Bahan 1967 [*Akta 487*], Lembaga Juruukur Bahan Malaysia, dengan kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Juruukur Bahan (Pindaan) 2016**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 30 Januari 2016.

Pindaan am

2. Kaedah-Kaedah Juruukur Bahan 1973 [*P.U. (A) 366/1973*], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dengan menggantikan perkataan “Juruukur Bahan berdaftar, siswazah berdaftar atau berdaftar sementara” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Juruukur Bahan Perunding, Juruukur Bahan Profesional, Juruukur Bahan Sementara dan Juruteknologi Ukur Bahan”.

Pindaan kaedah 2

3. Kaedah 2 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dalam takrif “poin kredit” dan “program-program CPD” dengan menggantikan perkataan “program-program CPD” dengan perkataan “Program CPD”.

Pindaan kaedah 4

4. Kaedah 4 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas subkaedah (1) subkaedah yang berikut:

“(1A) Walau apa pun subkaedah (1), dalam keadaan luar biasa, Yang Dipertua boleh meminta Pendaftar untuk memberikan notis bertulis tidak kurang daripada tiga hari untuk memanggil suatu mesyuarat.”.

Pindaan kaedah 8

5. Subkaedah 8(1) Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memotong perkataan “dari antara ahli-ahlinya”.

Pindaan kaedah 11

6. Kaedah 11 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “lima ratus ringgit” dengan perkataan “satu ribu ringgit”.

Penggantian kaedah 12A

7. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 12A dengan kaedah yang berikut:

“Pembayaran kepada Lembaga. 12A. Semua pembayaran kepada Lembaga boleh dibuat melalui kiriman wang, draf bank, cek, kad kredit atau perbankan elektronik.”.

Penggantian kaedah 17

8. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 17 dengan kaedah yang berikut:

“Permohonan bagi pendaftaran. 17. Seseorang yang berhasrat untuk didaftarkan sebagai—

(a) Juruukur Bahan Sementara di bawah subseksyen 10(1) Akta;

(b) Juruukur Bahan Profesional di bawah subseksyen 10(2) Akta;

(c) Juruukur Bahan Perunding di bawah subseksyen 10(3) Akta; atau

(d) Juruteknologi Ukur Bahan di bawah seksyen 10A Akta,

boleh membuat permohonan kepada Lembaga mengikut Kaedah-Kaedah ini.”.

Kaedah baharu 17A dan 17B

9. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 17 kaedah yang berikut:

“Kehadiran fizikal dalam Malaysia. 17A. Seseorang pemohon bagi pendaftaran di bawah kaedah 17 hendaklah hadir secara fizikal dalam Malaysia tidak kurang daripada satu ratus lapan puluh tiga hari dalam tempoh dua belas bulan sebelum permohonan.

Alamat tetap. 17B. Seseorang pemohon bagi pendaftaran di bawah kaedah 17 dan seseorang orang berdaftar di bawah subseksyen 10(1), 10(2), 10(3) atau seksyen 10A Akta hendaklah mempunyai alamat tetap di Malaysia.”.

Pindaan kaedah 18

10. Kaedah 18 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “empat” dengan perkataan “tiga”.

Pindaan kaedah 21

11. Kaedah 21 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Borang C atau D atau D1” dengan perkataan “Borang CQS-B, PQS-B, ProvQS-B atau QST-B.”.

Pindaan kaedah 22A

12. Kaedah 22A Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “program-program CPD” dengan perkataan “Program CPD”.

Kaedah baharu 22B

13. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 22A kaedah yang berikut:

“Pengeluaran
daripada Daftar.

22B. Lembaga boleh mengeluarkan daripada Daftar mana-mana Juruukur Bahan Perunding, Juruukur Bahan Profesional, Juruukur Bahan Sementara atau Juruteknologi Ukur Bahan yang permohonannya untuk membaharui pendaftaran ditolak oleh Lembaga di bawah subkaedah 22(2).”.

Pindaan kaedah 23A

14. Kaedah 23A Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Borang C atau D atau D1, mengikut mana-mana yang berkenaan” dengan perkataan “borang sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga”.

Penggantian kaedah 23C

15. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 23C dengan kaedah yang berikut:

“Perakuan
pemasukan semula.

23C. Jika Lembaga memasukkan semula seseorang sebagai Juruukur Bahan Perunding, Juruukur Bahan Profesional, Juruukur Bahan Sementara atau Juruteknologi Ukur Bahan, Pendaftar hendaklah mengeluarkan perakuan pemasukan semula dalam borang sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.”.

Penggantian kaedah 24

16. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 24 dengan kaedah yang berikut:

“Kehendak bagi
pendaftaran
sebagai
Juruukur Bahan
Profesional,
Juruukur Bahan
Perunding dan

24. (1) Seseorang pemohon bagi pendaftaran sebagai Juruukur Bahan Profesional atau Juruukur Bahan Perunding di bawah subseksyen 10(2) atau (3) Akta masing-masing hendaklah—

Juruteknologi
Ukur Bahan.

(a) mendapatkan pengalaman praktik yang disebut dalam perenggan 10(1)(b) dan 10(3)(c) Akta menurut Garis Panduan Pendaftaran Juruukur Bahan dan Praktis Juruukur Bahan Perunding; dan

(b) lulus ujian kecekapan profesional atau ujian lain atau penilaian professional yang dijalankan atau dibenarkan oleh Lembaga.

(2) Sesuatu permohonan bagi pendaftaran di bawah subseksyen 10(2) dan (3) Akta hendaklah dikemukakan bersama dengan bukti dokumentar bahawa kehendak perenggan (1)(a) dan (b) telah dipatuhi.

(3) Seseorang pemohon bagi pendaftaran sebagai Juruteknologi Ukur Bahan di bawah subseksyen 10A(2) Akta hendaklah mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam Garis Panduan Pendaftaran Juruukur Bahan dan Praktis Juruukur Bahan Perunding.”.

Pindaan kaedah 24A

17. Kaedah 24A Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dalam subkaedah (1), dengan memasukkan selepas perkataan “kelayakan” perkataan “yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi atau institusi lain yang berkaitan”; dan

(b) dalam subkaedah (2)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “Juruukur Bahan berdaftar” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Juruukur Bahan Profesional atau Juruukur Bahan Perunding”;
- (ii) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “registered Quantity Surveyors” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Professional Quantity Surveyor or Consultant Quantity Surveyor”;
- (iii) dalam perenggan (*d*), dengan memasukkan selepas perkataan “Pertubuhan Juruukur” perkataan “DiRaja”;
- (iv) dalam perenggan (*e*), dengan memasukkan selepas perkataan “pengajian tinggi” perkataan “yang mengendalikan program ukur bahan yang diiktiraf oleh Lembaga”;
- (v) dalam perenggan (*f*), dengan menggantikan perkataan “Lembaga Akreditasi Negara” dengan perkataan “Agensi Kelayakan Malaysia”; dan
- (vi) dalam perenggan (*g*), dengan memotong perkataan “Tinggi”.

Kaedah baharu 24B

18. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 24A kaedah yang berikut:

<p>“Majlis Peperiksaan Ukur Bahan.</p>	<p>24B. (1) Lembaga boleh melantik Majlis Peperiksaan Ukur Bahan bagi maksud untuk mengendalikan peperiksaan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.</p>
--	--

(2) Majlis Peperiksaan Ukur Bahan hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut:

- (a) seorang Pengerusi yang hendaklah merupakan seorang Juruukur Bahan Profesional atau Juruukur Bahan Perunding dan ahli Lembaga;
- (b) empat orang Juruukur Bahan Profesional atau Juruukur Bahan Perunding daripada jabatan perkhidmatan awam;
- (c) empat orang Juruukur Bahan Profesional atau Juruukur Bahan Perunding daripada Amalan Juruukur Bahan Perunding; dan
- (d) mana-mana orang lain yang difikirkan oleh Lembaga layak dan sesuai.

(3) Lembaga boleh melantik ahli Majlis Peperiksaan Ukur Bahan bagi apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Lembaga.

(4) Fungsi Majlis Peperiksaan Ukur Bahan hendaklah mengikut garis panduan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.”.

Penggantian kaedah 25

19. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 25 dengan kaedah yang berikut:

“Takrif Juruukur Bahan berdaftar. 25. Bagi maksud Bahagian ini, “Juruukur Bahan berdaftar” ertinya Juruukur Bahan Perunding, Juruukur Bahan Profesional, Juruukur Bahan Sementara, Juruteknologi Ukur Bahan atau Amalan Juruukur Bahan Perunding.”.

Pindaan kaedah 27

20. Kaedah 27 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dalam subkaedah (4) dan (5) dengan menggantikan perkataan “Juruukur Bahan Perunding” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Amalan Juruukur Bahan Perunding”.

Pindaan kaedah 28

21. Kaedah 28 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Juruukur Bahan Perunding” dan “Juruukur Bahan perunding” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Amalan Juruukur Bahan Perunding”.

Pindaan kaedah 33

22. Kaedah 33 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan “Juruukur Bahan perunding” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Amalan Juruukur Bahan Perunding”; dan

(b) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “consulting Quantity Surveyors” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Consulting Quantity Surveying Practice”.

Pindaan kaedah 34

23. Kaedah 34 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Juruukur Bahan perunding” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Amalan Juruukur Bahan Perunding”.

Pindaan kaedah 35

24. Kaedah 35 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Juruukur Bahan perunding” dengan perkataan “Amalan Juruukur Bahan Perunding”.

Pindaan kaedah 35F

25. Kaedah 35F Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “Lembaga” dengan perkataan “Jawatankuasa Tatatertib”;

(b) dengan menggantikan perkataan “Lembaga”, di mana-mana jua terdapat, kecuali dalam subkaedah (1), (2) dan (9), dengan perkataan “Jawatankuasa Tatatertib”;

(c) dalam subkaedah (1), dengan memasukkan sebelum perkataan “menjalankan” perkataan “melantik Jawatankuasa Tatatertib untuk”;

(d) dengan menggantikan subkaedah (2) dengan subkaedah yang berikut:

“(2) Jawatankuasa Tatatertib hendaklah bersidang di premis Lembaga atau di mana-mana tempat lain, dan pada tarikh dan masa yang ditentukan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib.”.

(e) dalam subkaedah (7)—

(i) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “atau melalui peguamnya”;

(ii) dalam perenggan (b), dengan memotong perkataan “atau melalui peguamnya”; dan

(iii) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “seorang pekongsi, pengarah, wakil yang dilantik secara bertulis atau

melalui peguamnya” dengan perkataan “pekongsi atau pengarah yang pada masa material bertanggungjawab atas perbuatan atau perkara yang menjadi asas kepada aduan, dan pekongsi atau pengarah itu boleh dibantu oleh peguamnya”; dan

- (f) dalam subkaedah (9), dengan menggantikan perkataan “Yang Dipertua” dengan perkataan “Pengerusi”.

Pindaan kaedah 35G

26. Kaedah 35G Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Lembaga” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Jawatankuasa Tatatertib”.

Kaedah baharu 35H dan 35I

27. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 35G kaedah yang berikut:

“Laporan oleh Jawatankuasa Tatatertib. 35H. (1) Jawatankuasa Tatatertib hendaklah membuat suatu laporan yang menyatakan fakta dan penentuan sesuatu aduan dan laporan itu hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib dan ahli-ahli Jawatankuasa Tatatertib.

(2) Jawatankuasa Tatatertib hendaklah mengemukakan laporan itu kepada Lembaga berserta dengan rekod prosiding tatatertib dalam tempoh dua bulan dari tarikh tamat prosiding tatatertib itu.

(3) Tempoh yang ditetapkan dalam subkaedah (2) boleh, atas permohonan secara bertulis oleh Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib, dilanjutkan oleh Yang Dipertua Lembaga jika terdapat sebab yang munasabah untuk berbuat demikian.

Pendengaran di
hadapan Panel
Penyelesaian
Pertikaian.

35I. (1) Panel Penyelesaian Pertikaian yang dilantik di bawah seksyen 14B Akta hendaklah bersidang di premis Lembaga atau di mana-mana tempat lain pada tarikh dan masa yang ditentukan oleh Pengerusi Panel Penyelesaian Pertikaian.

(2) Apabila menerima sesuatu aduan, jika Panel Penyelesaian Pertikaian memutuskan untuk mengadakan pendengaran, Panel Penyelesaian Pertikaian hendaklah mengemukakan notis pendengaran yang menyatakan tarikh, masa dan tempat pendengaran itu kepada pengadu dan Juruukur Bahan Perunding, Juruukur Bahan Profesional, Juruukur Bahan Sementara, Juruteknologi Ukur Bahan atau Firma Juruukur Bahan Perunding, mengikut mana-mana yang berkenaan, melalui pos berdaftar atau pos prabayar ke alamatnya yang akhir diketahui.

(2) Panel Penyelesaian Pertikaian boleh menangguhkan pendengaran dari semasa ke semasa, dan tiada notis bertulis mengenai penangguhan dikehendaki untuk disampaikan kepada mana-mana pihak jika penangguhan itu dibuat semasa kehadiran pihak itu.

(3) Tertakluk kepada peruntukan Akta dan Kaedah-Kaedah ini, Panel Penyelesaian Pertikaian boleh mengawal selia tataranya sendiri bagi pendengaran sesuatu aduan mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut.

(4) Panel Penyelesaian Pertikaian hendaklah menyimpan rekod semua prosidingnya.

(5) Panel Penyelesaian Pertikaian hendaklah membuat suatu laporan yang menyatakan fakta dan penentuan sesuatu aduan dan laporan itu hendaklah ditandatangani oleh

Pengerusi Panel Penyelesaian Pertikaian dan ahli-ahli Panel Penyelesaian Pertikaian.

(6) Panel Penyelesaian Pertikaian hendaklah mengemukakan laporan kepada Lembaga berserta dengan rekod prosiding penyelesaian pertikaian dalam tempoh dua bulan dari tarikh tamat prosiding penyelesaian pertikaian itu.

(7) Tempoh yang ditetapkan dalam subkaedah (7) boleh, atas permohonan secara bertulis oleh Pengerusi Panel Penyelesaian Pertikaian, dilanjutkan oleh Yang Dipertua Lembaga jika terdapat sebab yang munasabah untuk berbuat demikian.”.

Pindaan tajuk Bahagian V

28. Bahagian V Kaedah-Kaedah ibu dipinda dalam tajuk dengan menggantikan perkataan “FIRMA-FIRMA DAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN PERBADANAN” dengan perkataan “AMALAN JURUUKUR BAHAN PERUNDING”.

Pindaan kaedah 36

29. Kaedah 36 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “Juruukur Bahan perunding” dengan perkataan “suatu Amalan Juruukur Bahan Perunding”;
- (b) dalam subkaedah (1)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “Juruukur Bahan perunding” dengan perkataan “suatu Amalan Juruukur Bahan Perunding”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “Borang G” dengan perkataan “Borang CQSP-A1”;

(c) dengan memasukkan selepas subkaedah (1) subkaedah yang berikut:

“(1A) Suatu pertubuhan perbadanan yang berdaftar sebagai suatu Amalan Juruukur Bahan Perunding hendaklah mempunyai—

(a) suatu lembaga pengarah dengan sekurang-kurangnya dua pertiga ahlinya adalah Juruukur Bahan Perunding;

(b) sekurang-kurangnya tujuh puluh peratus ekuiti sahamnya dipegang oleh Juruukur Bahan Perunding dan baki ekuiti saham itu boleh dipegang oleh—

(i) mana-mana orang;

(ii) mana-mana pertubuhan perbadanan; atau

(iii) mana-mana orang dan pertubuhan perbadanan; dan

(c) modal berbayar minimum sebanyak lima puluh ribu ringgit.

(1B) Seseorang Juruukur Bahan Perunding yang menguruskan hal ehwal hari ke hari sesuatu pertubuhan perbadanan yang berdaftar sebagai suatu Amalan Juruukur Bahan Perunding mesti mempunyai kepakaran sewajarnya dan hendaklah hadir secara fizikal dalam Malaysia bagi tempoh tidak kurang daripada satu ratus lapan puluh tiga hari dalam mana-mana satu tahun kalendar.”;

(d) dalam subkaedah (3)—

(i) dengan menggantikan perkataan “Juruukur Bahan berdaftar” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Juruukur Bahan Perunding”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “Juruukur bahan perunding” dengan perkataan “Amalan Juruukur Bahan Perunding”; dan

(e) dengan memotong subkaedah (4).

Pindaan kaedah 36A

30. Kaedah 36A Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subkaedah (1) dengan subkaedah yang berikut:

“(1) Sesuatu pertubuhan perbadanan yang memberikan kombinasi perkhidmatan yang terdiri daripada perkhidmatan Juruukur Bahan perunding, perkhidmatan kejuruteraan profesional atau perkhidmatan perundingan seni bina yang berhasrat untuk menjalankan amalan sebagai suatu Amalan Juruukur Bahan Perunding boleh membuat permohonan bagi kelulusan untuk menjalankan amalan di bawah seksyen 7B Akta kepada Lembaga dalam borang sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga”; dan

(b) dalam subkaedah (2), dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) pengarah pertubuhan perbadanan yang bertanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan Juruukur Bahan perunding hendaklah merupakan Juruukur Bahan Perunding”.

Pindaan kaedah 37

31. Kaedah 37 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Juruukur Bahan perunding” dengan perkataan “suatu Amalan Juruukur Bahan Perunding”.

Pindaan kaedah 38

32. Kaedah 38 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “Juruukur Bahan perunding” dengan perkataan “suatu Amalan Juruukur Bahan Perunding”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “dia” dengan perkataan “Lembaga”.

Pindaan kaedah 40

33. Subkaedah 40(1) Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Juruukur Bahan perunding” dengan perkataan “suatu Amalan Juruukur Bahan Perunding”.

Pindaan kaedah 41

34. Kaedah 41 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Juruukur Bahan perunding” dengan perkataan “suatu Amalan Juruukur Bahan Perunding”.

Pindaan kaedah 43

35. Kaedah 43 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “Juruukur Bahan perunding” dengan perkataan “Amalan Juruukur Bahan Perunding”;
- (b) dalam subkaedah (1)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “Juruukur Bahan perunding” dengan perkataan “suatu Amalan Juruukur Bahan Perunding”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “Borang H” dengan perkataan “borang sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga”; dan
- (c) dengan menggantikan subkaedah (1A) dengan subkaedah yang berikut:

“(1A) Permit untuk menjalankan amalan yang akan dikeluarkan kepada sesuatu pertubuhan perbadanan yang memberikan kombinasi

perkhidmatan yang terdiri daripada perkhidmatan Juruukur Bahan perunding, perkhidmatan kejuruteraan profesional atau perkhidmatan perundingan seni bina yang permohonan bagi kelulusan untuk menjalankan amalannya telah diluluskan oleh Lembaga di bawah seksyen 7B Akta hendaklah dalam borang sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.”.

Penggantian kaedah 44

36. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 44 dengan kaedah yang berikut:

“Pembaharuan 44. Sesuatu firma atau pertubuhan perbadanan yang permit untuk menjalankan amalannya menjalankan amalan sebagai suatu Amalan Juruukur Bahan Perunding di bawah seksyen 7A Akta atau pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan sebagai suatu Amalan Juruukur Bahan Perunding di bawah seksyen 7B Akta boleh membaharui permit untuk menjalankan amalan dengan membuat permohonan kepada Lembaga.”.

Pindaan kaedah 45

37. Kaedah 45 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “Juruukur Bahan perunding” dengan perkataan “suatu Amalan Juruukur Bahan Perunding”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “seksyen 7A(13)” dengan perkataan “seksyen 7A(15)”.

Pindaan kaedah 46

38. Kaedah 46 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dalam subkaedah (1)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “Juruukur Bahan perunding” dengan perkataan “suatu Amalan Juruukur Bahan Perunding”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “Borang H” dengan perkataan “borang sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga”;
- (b) dengan menggantikan subkaedah (2) dengan subkaedah yang berikut:

“(2) Apabila diperbaharui kelulusan untuk suatu pertubuhan perbadanan yang memberikan kombinasi perkhidmatan yang terdiri daripada perkhidmatan Juruukur Bahan perunding, perkhidmatan kejuruteraan profesional atau perkhidmatan perundingan seni bina untuk menjalankan amalan sebagai suatu Amalan Juruukur Bahan Perunding, Pendaftar hendaklah mengeluarkan permit kepada pertubuhan perbadanan itu dalam borang sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.”;

- (c) dalam subkaedah (3)—
- (i) dengan menggantikan perkataan “Juruukur Bahan perunding” dengan perkataan “suatu Amalan Juruukur Bahan Perunding”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “Borang I” dengan perkataan “borang sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga”; dan
- (d) dengan menggantikan subkaedah (4) dengan subkaedah berikut:

“(4) Apabila dimasukkan semula suatu pertubuhan perbadanan yang memberikan kombinasi perkhidmatan yang terdiri daripada perkhidmatan Juruukur Bahan perunding, perkhidmatan kejuruteraan profesional atau perkhidmatan perundingan seni bina untuk menjalankan amalan sebagai suatu Amalan Juruukur Bahan Perunding, Pendaftar hendaklah mengeluarkan kepada pertubuhan perbadanan itu suatu

permit kemasukan semula untuk menjalankan amalan dalam borang sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.”.

Pindaan kaedah 47

39. Kaedah 47 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Juruukur Bahan perunding” dengan perkataan “suatu Amalan Juruukur Bahan Perunding”.

Pindaan kaedah 49

40. Subkaedah 49(1) Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “Juruukur Bahan berdaftar” dengan perkataan “Juruukur Bahan Profesional atau Juruukur Bahan Perunding”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “Borang J atau J1, mengikut mana-mana yang berkenaan” dengan perkataan “borang sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga”.

Pindaan kaedah 52

41. Kaedah 52 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dalam subkaedah (1), dengan menggantikan perkataan “Borang K” dengan perkataan “borang sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga”; dan
- (b) dalam subkaedah (4)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “Juruukur Bahan berdaftar” dengan perkataan “Juruukur Bahan Profesional atau Juruukur Bahan Perunding”; dan

- (ii) dengan menggantikan perkataan “Juruukur Bahan perunding” dengan perkataan “suatu Amalan Juruukur Bahan Perunding”.

Pindaan Jadual Pertama

42. Jadual Pertama kepada Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan Bahagian Satu dengan Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN SATU

BORANG

BORANG CQS-B



AKTA JURUUKUR BAHAN 1967

KAEDAH-KAEDAH JURUUKUR BAHAN 1973
(Kaedah 21)

No. Sijil:

LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI JURUUKUR BAHAN PERUNDING

DENGAN INI DISAHKAN BAHAWA

Nama: No. K.P./Pasport:

No. Pendaftaran:

setelah mematuhi kehendak-kehendak Akta Juruukur Bahan 1967 didaftarkan sebagai seorang Juruukur Bahan Perunding di bawah dan tertakluk kepada peruntukan Akta.

[Meterai Biasa]

.....
(Yang Dipertua)

.....
(Pendaftar)

Tarikh Dikeluarkan :

Tarikh Tamat Tempoh :



BORANG PQS-B
AKTA JURUUKUR BAHAN 1967
KAEDAH-KAEDAH JURUUKUR BAHAN 1973
(Kaedah 21)

No. Sijil:

LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA
PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI JURUUKUR BAHAN PROFESIONAL

DENGAN INI DISAHKAN BAHAWA

Nama: No. K.P./Pasport:

No. Pendaftaran :

setelah mematuhi kehendak-kehendak Akta Juruukur Bahan Akta 1967
didaftarkan sebagai seorang Juruukur Bahan Profesional di bawah dan tertakluk
kepada peruntukan Akta.

[Meterai Biasa]

.....
(Yang Dipertua)

.....
(Pendaftar)

Tarikh Dikeluarkan :

Tarikh Tamat Tempoh :



BORANG ProvQS-B
AKTA JURUUKUR BAHAN 1967
KAEDAH-KAEDAH JURUUKUR BAHAN 1973
(Kaedah 21)

No. Sijil:

LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA
PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI JURUUKUR BAHAN SEMENTARA

DENGAN INI DISAHKAN BAHAWA

Nama: No. K.P./Pasport:

No. Pendaftaran:

setelah mematuhi kehendak-kehendak Akta Juruukur Bahan Akta 1967
didaftarkan sebagai seorang Juruukur Bahan Provisional di bawah dan tertakluk
kepada peruntukan Akta.

.....
(Yang Dipertua)

[Meterai Biasa]

.....
(Pendaftar)

Tarikh Dikeluarkan :

Tarikh Tamat Tempoh :



BORANG QST-B
AKTA JURUUKUR BAHAN 1967
KAEDAH-KAEDAH JURUUKUR BAHAN 1973
(Kaedah 21)

No. Sijil:

LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA
PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI JURUTEKNOLOGI UKUR BAHAN

DENGAN INI DISAHKAN BAHAWA

Nama: No. K.P./Pasport:

No. Pendaftaran:

setelah mematuhi kehendak-kehendak Akta Juruukur Bahan Akta 1967
didaftarkan sebagai seorang Juruteknologi Ukur Bahan di bawah dan tertakluk
kepada peruntukan Akta.

.....
(Yang Dipertua)

[Meterai Biasa]

.....
(Pendaftar)

Tarikh Dikeluarkan :

Tarikh Tamat Tempoh :

BORANG CQSP-A1

AKTA JURUUKUR BAHAN 1967

KAEDAH-KAEDAH JURUUKUR BAHAN 1973
(Kaedah 36)

LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

BORANG PERMOHONAN BAGI KEBENARAN KEPEMILIKAN
TUNGGAL/PERKONGSIAN/ PERTUBUHAN PERBADANAN UNTUK
MENJALANKAN AMALAN SEBAGAI SUATU AMALAN JURUUKUR BAHAN
PERUNDING MENURUT SEKSYEN 7A

1. Nama kepemilikan tunggal/
perkongsian/pertubuhan
perbadanan :
2. Tarikh permulaan/
pembentukan /
pemerbadanan :
3. Alamat berdaftar :
4. Nama dan alamat setiausaha
syarikat (untuk pertubuhan
perbadanan sahaja) :
5. Alamat ibu pejabat :

No. Telefon Pejabat:

No. Faksimili:

E-mel:

6. Alamat pejabat cawangan :

No. Telefon Pejabat.:

No. Faksmili:

No. Telefon Bimbit.:

E-mel:

Pengurus Cawangan:

No. Pendaftaran:

7. Modal dibenarkan :
8. Modal berbayar :
9. Modal/Aset terkumpul
(untuk kepemilikan
tunggal/perkongsian) :

10. Maklumat prinsipal/rakan kongsi/pengarah dan pemegang syer:

Maklumat prinsipal/
rakan kongsi/
pengarahNo.
PendaftaranTarikh
PendaftaranPeraturan
Pegangan SyerNo. K.P./
Pasport*Jawatan

11. Maklumat pekerja dalam (a) Bilangan Juruukur Bahan yang diambil bekerja;
 kepemilikan tunggal/ i. Juruteknologi Ukur Bahan:
 perkongsian/ ii. Juruukur Bahan Sementara:
 pertubuhan perbadanan iii. Juruukur Bahan Profesional:
 iv. Juruukur Bahan Perunding;
 (b) Bilangan kakitangan sub-profesional:
 (c) Bilangan kakitangan pentadbiran dan perkeranian:
 (d) Lain-lain:

*Nota: * untuk pemohon bukan warganegara*

DEKLARASI UNTUK DIISI DAN DITANDATANGANI OLEH PRINSIPAL, RAKAN KONGSI DAN PENGARAH
 DALAM KAPASITI SECARA INDIVIDU

Kepada:
 Pendaftar
 Lembaga Juruukur Bahan Malaysia

- 1) *Saya/kami, yang bertandatangan di bawah memohon permit bagi, sebuah *kepemilikan tunggal/perkongsian/pertubuhan perbadanan untuk menjalankan amalan sebagai Juruukur Bahan Perunding menurut seksyen 7A Akta.
- 2) Maklumat berkaitan pendaftaran *saya/kami dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia adalah seperti yang diisytiharkan dalam permohonan ini.
- 3) adalah sebuah *kepemilikan tunggal/perkongsian/pertubuhan perbadanan yang mematuhi peruntukan seksyen 7A Akta dan Kaedah-Kaedah Juruukur Bahan 1973.
- 4) Salinan *Perjanjian Perkongsian/Memorandum dan Artikel Penubuhan pertubuhan perbadanan yang dikemukakan bersama-sama permohonan ini merupakan salinan yang betul dan benar.
- 5) Nama pekerja sedia ada, firma Juruukur Bahan atau firma pembinaan atau syarikat lain, yang mana *kepemilikan tunggal/rakan kongsi/pengarah adalah *majikan/rakan kongsi/pengarah:

Nama

Organisasi/institusi

Jawatan

- 6) *Saya/kami sebagai prinsipal/rakan kongsi/pengarah dengan ini mengaku dan berjanji untuk mematuhi semua peruntukan Akta Juruukur Bahan 1967 dan Kaedah-Kaedah Juruukur Bahan 1973, termasuk kod Etika Profesional dan akan mematuhi, melaksana dan memenuhi apa-apa syarat atau sekatan yang boleh dikenakan oleh Lembaga atas kelulusan bagi permohonan ini.

Nama *Prinsipal /
 Rakan Kongsi/pengarah

Tandatangan *prinsipal /
 Rakan Kongsi/Pengarah

Nota:

1. Dokumen yang perlu dihantar bersama-sama borang permohonan ini adalah:
 - a) salinan yang diakui sah bagi *ijazah/diploma dan sijil pendaftaran bagi *prinsipal/rakan kongsi/pengarah dengan pertubuhan profesional berkaitan,
 - b) perakuan berkanun terhadap kebankrapan oleh *prinsipal/rakan kongsi/pengarah,
 - c) *surat perletakan jawatan/aku janji untuk meletak jawatan daripada pekerjaan terkini (bagi *kepemilikan tunggal dan rakan kongsi atau pengarah majoriti) atau surat kebenaran daripada *majikan/rakan kongsi/pengarah untuk menubuhkan firma bagi perkongsian dan pertubuhan perbadanan,
 - d) salinan *Perjanjian Perkongsian/Memorandum dan Artikel Penubuhan yang diakui sah oleh Pendaftar Syarikat, dan
 - e) Salinan Borang 49 dan Borang 24 (bagi pertubuhan perbadanan) yang diakui sah oleh Pendaftar Syarikat.

2. Permohonan hendaklah disertakan dengan bayaran pemprosesan berjumlah RM100.00 dan bayaran pendaftaran berjumlah RM2,000.00 dalam bentuk *kiriman wang/draf bank/cek di atas nama "Lembaga Juruukur Bahan Malaysia".

PENALTI

(Seksyen 24 Akta Juruukur Bahan 1967)

Mana-mana orang, firma atau pertubuhan perbadanan yang mendapatkan atau cuba untuk mendapatkan pendaftaran atau kelulusan atau perakuan pendaftaran atau permit untuk menjalankan amalan di bawah Akta ini dengan disedarinya membuat atau mengemukakan mana-mana pengakuan, perakuan, permit, permohonan atau pernyataan palsu atau secara fraud sama ada secara bertulis atau sebaliknya adalah melakukan kesalahan di bawah Akta ini dan hendaklah dihukum dengan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan, bagi kesalahan yang berterusan, dengan denda tidak melebihi lima ratus bagi setiap hari selagi kesalahan itu berterusan selepas sabitan"; dan

(b) dengan menggantikan Bahagian Dua dengan Bahagian yang berikut:

"BAHAGIAN DUA

(Kaedah-Kaedah 20, 22, 23, 23B, 42, 45, 45A dan 53)

FI BAGI PEMROSESAN, PENDAFTARAN, PEMBAHARUAN DAN PEMASUKAN SEMULA PENDAFTARAN,
DAN SURAT KEBENARAN

No.	Butir-butir Permohonan	Fi Pemprosesan [subkaedah 20(1), 42(1) dan 53(1)]	Fi Pendaftaran [subkaedah 20(1), 42(1) dan 53(1)]	Fi Pembaharuan Pendaftaran [subkaedah 22(1) dan kaedah 23 dan 45]	Tarikh Pembaharuan Pendaftaran Tahunan	Fi Pemasukan Semula Pendaftaran (kaedah 23B dan 45A)
1.	Juruteknologi Ukur Bahan	RM50.00	RM100.00	RM100.00	31 Januari tahun berikutan tahun pendaftaran tamat tempoh	Tunggakan fi pembaharuan tahunan + fi pendaftaran semula yang sama amaun dengan tunggakan fi pembaharuan tahunan + fi pentadbiran (RM50.00)
2.	Juruukur Bahan Sementara	RM50.00	RM100.00	RM100.00	31 Januari tahun berikutan tahun pendaftaran tamat tempoh	Tunggakan fi pembaharuan tahunan + fi pendaftaran semula yang sama amaun dengan tunggakan fi pembaharuan tahunan + fi pentadbiran (RM50.00)

3.	Juruukur Bahan Profesional	RM100.00	RM300.00	RM300.00	31 Januari tahun berikutan tahun pendaftaran tamat tempoh	Tunggakan fi pembaharuan tahunan + fi pendaftaran semula yang sama amaun dengan tunggakan fi pembaharuan tahunan + fi pentadbiran (RM100.00)
4.	Juruukur Bahan Perunding	RM100.00	RM400.00	RM400.00	31 Januari tahun berikutan tahun pendaftaran tamat tempoh	Tunggakan fi pembaharuan tahunan + fi pendaftaran semula yang sama amaun dengan tunggakan fi pembaharuan tahunan + fi pentadbiran (RM100.00)
5.	Firma Juruukur Bahan Perunding	RM100.00	RM2,000.00	RM2,000.00	31 Januari tahun berikutan tahun pendaftaran tamat tempoh	Tunggakan fi pembaharuan tahunan + fi pendaftaran semula yang sama amaun dengan tunggakan fi pembaharuan tahunan + fi pentadbiran (RM100.00)
6.	Kombinasi perkhidmatan yang terdiri daripada perkhidmatan Juruukur Bahan perunding, perkhidmatan kejuruteraan profesional atau perkhidmatan seni bina perunding	RM100.00	RM2,000.00	RM2,000.00	31 Januari tahun berikutan tahun pendaftaran tamat tempoh	Tunggakan fi pembaharuan tahunan + fi pendaftaran semula yang sama amaun dengan tunggakan fi pembaharuan tahunan + fi pentadbiran (RM100.00)
7.	Surat Kebenaran	RM100.00	RM3,000.00	Tidak berkeajaan	Tidak berkeajaan	Tidak berkeajaan
8.	Pertukaran Nama	Tidak berkeajaan	RM300.00	Tidak berkeajaan	Tidak berkeajaan	Tidak berkeajaan

9.	Perubahan komposisi rakan kongsi, lembaga pengarah atau pemegang saham Firma Jurukur Bahan Perunding	Tidak dikenakan	RM300.00	Tidak dikenakan	Tidak dikenakan	Tidak dikenakan
10.	Pendaftaran Cawangan	Tidak dikenakan	RM300.00	RM300.00	31 Januari tahun berikutan tahun pendaftaran tamat tempoh	Tidak dikenakan

Peruntukan kecualian

43. Sesuatu pendengaran aduan oleh Lembaga yang belum selesai hendaklah, apabila Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa, diteruskan dan diselesaikan oleh Lembaga.

Dibuat 27 Januari 2016
[KKR.PUU.110-1/3/2]ld.2(9); PN(PU2)46/IX]

DATO' SR. HJ. ABDULL MANAF BIN HAJI HASHIM
Yang Dipertua
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia

Diluluskan 28 Januari 2016

DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
Menteri Kerja Raya

QUANTITY SURVEYORS ACT 1967

QUANTITY SURVEYORS (AMENDMENT) RULES 2016

IN exercise of the powers conferred by section 26 of the Quantity Surveyors Act 1967 [*Act 487*], the Board of Quantity Surveyors, with the approval of the Minister, makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Quantity Surveyors (Amendment) Rules 2016**.

(2) These Rules come into operation on 30 January 2016.

General amendments

2. The Quantity Surveyors Rules 1973 [*P.U. (A) 366/1973*], which are referred to as the “principal Rules” in these Rules, are amended by substituting for the words “registered, registered graduate or temporary registered Quantity Surveyor” wherever appearing the words “Consultant Quantity Surveyor, Professional Quantity Surveyor, Provisional Quantity Surveyor and Quantity Surveying Technologist”.

Amendment of rule 2

3. Rule 2 of the principal Rules is amended in the definition of “credit points” and “CPD programmes” by substituting for the words “CPD programmes” the words “CPD Programme”.

Amendment of rule 4

4. Rule 4 of the principal Rules is amended by inserting after subrule (1) the following subrule:

“(1A) Notwithstanding subrule (1), in exceptional circumstances, the President may request the Registrar to give a written notice of not less than three days to convene a meeting.”.

Amendment of rule 8

5. Subrule 8(1) of the principal Rules is amended by deleting the words “from amongst its members”.

Amendment of rule 11

